

**KAJIAN PENERIMAAN PENSYARAH TERHADAP  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HADIS  
BERBANTUKAN LAMAN WEB  
AL-DURAR AL-SANIYYAH**

**Syed Najihuddin Syed Hassan<sup>1</sup>, Mohd Zohdi Mohd Amin<sup>1</sup>,  
Syed Najmuddin Syed Hassan<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pengajaran dan Pembelajaran  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Emel: syednajihuddin@usim.edu.my, zohdi@usim.edu.my,  
syednajmuddin@utem.edu.my

**ABSTRAK**

*Kertas kerja ini berkisar berkenaan laman web al-Durar al-Saniyyah yang menyediakan kemudahan rujukan hadis secara dalam talian. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan secara kualitatif yang bersandarkan kepada temuduga separa berstruktur bersama pensyarah dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia. Antara objektif kertas kerja ini adalah mengkaji latar belakang laman web, menilai keberkesanan penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mengkaji sejauh mana ia mudah digunakan dan mengenal pasti beberapa kelebihan serta kekurangannya. Kajian ini juga turut mendalami persepsi mereka terhadap beberapa isu takhrij hadis, penggunaan laman web tersebut dalam mentakhrijkan hadis, dan kesesuaian laman web itu bagi kajian hadis. Hasil kajian mendapati laman web ini mudah untuk digunakan dan berkesan untuk proses pentakhrijan hadis. Ia juga membantu memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Kesimpulannya, laman web al-Durar al-Saniyyah ini perlu diperkenalkan sebagai salah satu alat bantu mengajar yang menggunakan hadis sebagai sumber serta proses kajian hadis secara umum.*

**KATA KUNCI:** *pembelajaran berbantuan web, takhrij hadis, kajian hadis, laman web al-Durar al-Saniyyah*

**ABSTRACT**

*This paper is about al-Durar al-Saniyyah website which provides online hadith reference services. The research was a qualitative approach with a*

*semi-structured interviews as a data collection method. These interviews were conducted with lecturers of Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia. The objectives of this research were: a brief overview of the website, evaluate its usefulness in teaching and learning process, its ease of use, as well as its advantages and disadvantages. Then, this study was concerning the perception of the respondents about several issues regarding takhrij hadith, the website usage in takhrij hadith, and its suitability in hadith studies. The findings indicated that this website was easy to use, very effective in takhrij hadith process, and facilitated the teaching and learning process. As a conclusion, this website must be introduced as an effective tool in hadith studies subjects and referencing hadith process generally.*

**KEYWORDS:** *web based learning, takhrij hadith, hadith studies al-Durar al-Saniyyah website*

## 1.0 PENDAHULUAN

Pengajaran dan pembelajaran berbantuan laman web telah menjadi keperluan pada zaman globalisasi ini. Pelajar perlu diberi pendedahan kepada pendekatan terbaru sebegini agar mereka dapat mengharungi cabaran mendatang dengan lebih berkeyakinan. Pendekatan yang bergerak seiring dengan masanya ini diharapkan dapat melonjakkan golongan pelajar aliran keagamaan agar sentiasa bersifat terkini dan kontemporari. Dalam pada itu, pengajian Islam yang bersumberkan Quran dan hadis turut mengalami transformasi ini. Didapati kebelakangan ini kewujudan pelbagai kemudahan dalam bentuk digital bagi mengenal pasti kedudukan sesuatu hadis telah menggamit keterlibatan ilmuwan Islam dan juga pelajar Pengajian Islam agar menggunakannya dalam kajian mereka. Kemudahan ini terdiri daripada buku elektronik, cakera padat (CD), Internet dan sebagainya.

Sejak zaman berzaman, cabang-cabang Pengajian Islam diajar dengan bersumberkan Quran dan hadis, dua sumber yang autentik atau sangat dipercayai. Tidak lengkap pengajian itu, jika tidak dipandu oleh pengajaran dari dua sumber ini. Justeru, proses pembelajaran Pengajian Islam perlulah meliputi teknik tertentu bagi mendapatkan maklumat serta bagaimana memahami dua sumber ini. Bahasa asalnya dalam bahasa Arab memerlukan penguasaan secara optimum agar setiap patah perkataan tidak disalahertikan. Bagi yang berpendidikan sekolah agama dan pernah belajar di negara Arab, tentulah tidak menghadapi rintangan sebegini berbanding yang lain.

Pengajaran dan pembelajaran telah melalui proses transformasi dari kaedah menadiah kitab di hadapan guru, kepada penggunaan teknologi

moden. Pembelajaran yang berpusatkan kepada guru semakin bertukar kepada berpusatkan pelajar. Penggunaan komputer dan Internet secara meluas juga telah merubah pendekatan pembelajaran dengan harapan agar pelajar lebih proaktif dan produktif dalam pengajian.

Pengajian Islam turut mengalami tempias perubahan ini. Pelajar memerlukan interaksi pelbagai hala bersama pengajar agar garapan ilmu menjadi lebih mantap dan berkesan. Islam sendiri tidak menghalang sebarang perubahan atau penggunaan teknologi dalam penyampaian ilmu. Nabi Muhammad SAW sendiri mengaplikasikan teknologi pada zaman Baginda SAW seperti penggunaan gambar rajah bagi menyampaikan pengajaran Baginda SAW dengan lebih berkesan.

Dari Abdullah ibn Mas'ud RA berkata: Rasulullah SAW membuat untuk kami satu garisan kemudian bersabda "Ini jalan (*sabil*) Allah SWT." Kemudian Baginda SAW membuat beberapa garisan di kiri dan di kanan garisan tadi seraya bersabda "Ini sejumlah jalan, dan lebih bercabang-cabang, pada setiap jalan ada syaitan yang menyeru ke arahnya" kemudian Baginda SAW membaca ayat berikut (dalam mentafsirkan ayat tersebut) iaitu ayat ke-153, surah al-An'am.

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (6/89)

Oleh yang demikian, penggunaan teknologi dalam pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar tidak bercanggah dengan pengajian bidang keagamaan. Pelajar juga boleh mendapatkan hasil yang optimum semasa belajar. Masa dan kos yang merupakan antara faktor kekangan masa kini dapat dijimatkan. Justeru, tiada alasan untuk tidak belajar atau tidak habis belajar.

## 1.1 Permasalahan Kajian

Proses *takhrij* hadis atau merujuk hadis kepada sumber asalnya yang secara tradisional menggunakan kaedah terdahulu, merupakan suatu proses yang agak kompleks. Proses ini memerlukan pelajar mengenali selok-belok kitab hadis serta mahir di dalam proses pencarian hadis dalam rujukan primer kitab hadis. Ini berikutan metode penyusunan kitab yang berbeza-beza dalam kalangan penulis kitab itu yang menjadikan setiap kitab adalah unik antara satu sama lain. Di samping itu, kesukaran untuk membuat rujukan hadis juga menjadi halangan yang sukar diatasi, berikutan koleksi hadis yang sangat terhad dalam perpustakaan universiti atau peribadi.

Penggunaan laman web hadis seperti *al-Durar al-Saniyyah* dijangka dapat mengatasi masalah yang dihadapi. Ia memudahkan pensyarah

membuat rujukan hadis dengan kadar bahan rujukan yang hampir tidak terbatas. Selain itu, pensyarah juga boleh membuat rujukan hadis sekalipun berada di luar kampus, iaitu di mana sahaja yang membolehkan mereka mengakses Internet. Namun begitu penggunaannya dalam kalangan pensyarah masih begitu minimum dan kurang mendapat sambutan yang meluas. Keadaan ini berkemungkinan beberapa faktor penghalang seperti masalah bahasa, kurang pengetahuan, kurang kemudahan, kurang kemahiran pengendalian serta keadaan web tersebut yang kurang mesra pengguna.

Bidang hadis telah melalui proses pendigitalan selari dengan bidang lain dalam Pengajian Islam. Era pendigitalan telah hampir menenggelamkan buku bercetak, terutamanya yang baru ditulis. Pemilikan buku bercetak juga telah turut digantikan dengan pemilikan buku digital. Dalam hal ini, alam siber juga telah begitu luas tanpa sempadan, tiada had dan tiada kekangan. Namun, adakah era pendigitalan buku hadis ini diterima oleh golongan pensyarah yang terdidik dengan buku bercetak.

Justeru, kajian ini cuba meneliti pendapat mereka berhubung beberapa isu *takhrij* hadis dengan menggunakan laman web, di samping meninjau kebaikan dan keburukan dalam penggunaan elemen digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Adakah penggunaan laman web hadis seperti *al-Durar al-Saniyyah* memberikan impak yang besar dalam mengakses hadis untuk dijadikan rujukan berbanding yang lain. Pengkaji hadis dan pelajar memerlukan pangkalan data yang mudah, cepat dan lengkap supaya pembelajaran menjadi lebih berkualiti. Penemuan dan pembuktian keberkesanan laman web *al-Durar al-Saniyyah* boleh memberi kesan kepada kelestarian pengajian hadis. Sehubungan dengan itu, keperluan semasa memerlukan penghayatan dan penggunaan elemen pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar di era siber.

## 1.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan pengamatan penyelidik, didapati isu digitalisasi maklumat hadis ini mengundang isu autentik atau tidak, sumber yang diperoleh. Adakah boleh dipercayai 100 peratus kepada dapatan carian, tanpa perlu merujuk kepada sumber asal yang bercetak? Ini kerana kebarangkalian untuk kewujudan gangguan siber amat tinggi. Laman web kerajaan tertentu seperti China telah dicerobohi, dan maklumat pentingnya telah diubah. Malaysia juga telah pernah mengalami situasi getir ini. Justeru, tidak mustahil maklumat berbentuk hadis, dikhuatiri boleh dicerobohi, dan berkemungkinan ditukar jika ada yang

berkemahiran membuat pengubahsuaian. Penyelidik cuba meninjau isu ini, dari aspek pandangan pensyarah yang mengajar bidang Quran dan hadis bagi mencari jalan penyelesaian dalam kajian ini.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini difikirkan penting berdasarkan kepentingan ilmu *takhrij* hadis kepada umat Islam dan secara khusus penguasaannya di kalangan tenaga pengajar dalam pengajian Islam. Berdasarkan ilmu ini, umat Islam dapat menyemak kesahihan sesuatu perkhawaran yang disandarkan kepada Baginda Rasulullah SAW. Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan di dalam model penggunaan laman web di dalam kursus ilmu *takhrij*, ilmu hadis, kajian hadis daif dan *mawdu'*, ilmu *rijal* dan ilmu yang berkaitan dengan bidang hadis. Penggunaan laman web di dalam *takhrij* hadis di kalangan tenaga pengajar, boleh memberi nilai tambah kepada kemahiran insaniah graduan USIM, sekaligus memartabatkan lagi bidang pengajian hadis sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Tambahan, kajian ini sebagai usaha perintis di dalam bidang pengajian berkaitan dengan aplikasi di dalam bidang hadis menggunakan teknologi ICT. Pengetahuan asas ini dapat dikembangkan lebih lanjut lagi ke arah penghasilan sebuah modul pengajaran dan pembelajaran berbantuan laman web serta perisian, bagi bidang hadis di peringkat USIM. Usaha ini juga diharap dapat dikembangkan lagi dalam pengajaran hadis di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain.

## 2.0 TAKHRIJ HADIS, SEJARAH DAN KEPENTINGANNYA

### 2.1 Definisi *Takhrij* Hadis

*Takhrij* Hadis bererti menyandarkan hadis kepada sumber-sumber asalnya daripada kitab ahli hadis, serta memperkatakan tentang kedudukannya setelah dikaji dan diperhatikan keadaannya dari segi *sanad* dan matan. (al 'Abid, 2001)[2]. Hadis pula ialah segala apa yang disandarkan kepada Baginda Rasulullah SAW dalam bentuk sama ada perkataan, perbuatan, perakuan, sifat tubuh, atau akhlak; dan sama ada sebelum dilantik menjadi nabi ataupun selepas dilantik sebagai Nabi ('Ajjaj, 1989).

Ketika mensyarahkan lafaz al-Imam al-Suyuti (( *و بالغت في تحرير التخریج* )); al-Imam al-Manawi (1994)[4] berkata: "Aku bersungguh-sungguh di dalam menyusun dan menyelaraskan penyandaran hadis kepada yang mengeluarkannya dari kalangan

imam ahli hadis sama ada dari kitab *al-Jawami'*, *al-Sunan*, dan *al-Masanid*. Dan tidak pula aku sandarkan salah satu hadis itu kepada imam dan kitabnya kecuali setelah mengkaji tentang hal hadis tersebut berserta dengan para perawinya. Aku tidak cukup hanya dengan menyandarkan kepada sesiapa yang bukan ahli (dalam hadis) walaupun hebat seumpama pakar tafsir (al-mufasssiran)."

## 2.2 Teknik *Takhrij* / Carian Hadis

Terdapat empat teknik untuk membuat carian hadis. Setiap teknik mempunyai kekuatan yang tersendiri serta kitab yang membantu bagi carian itu. Teknik tersebut ialah:

1. Dengan melihat dan berpandukan kepada perawi *sanad* atau sebahagian perawi *sanad*.
2. Dengan melihat dan berpandukan kepada lafaz hadis (matan).
3. Dengan melihat dan berpandukan kepada topik perbincangan di dalamnya serta maksud hadis tersebut.
4. Dengan melihat dan berpandukan kepada keadaan hadis itu secara umum dari sudut *sanad* dan matan. (Mahmud al-Tahhan, 1996)

Inilah teknik utama dalam membuat kajian hadis sebagaimana yang dinyatakan oleh para ulama dengan menggunakan kitab sebagai sumber primer. Setiap daripada teknik ini mempunyai kitab tertentu bagi memudahkan prosesnya. Seseorang pengkaji hadis menggunakan sebanyak mungkin teknik yang boleh bagi memaksimumkan pencariannya.

Di era globalisasi ini telah muncul beberapa teknik baru untuk membuat carian hadis iaitu:

1. Dengan menggunakan perisian hadis tertentu.
2. Dengan menggunakan laman web tertentu.

Kedua-dua jenis teknik ini hanya menggunakan komputer dan perisian tertentu yang menunjukkan sumber asal sesebuah hadis Rasulullah SAW. Ia dianggap teknik yang paling mudah serta murah pada zaman ini. Sesiapa yang mempunyai kemahiran berkomputer dan boleh berbahasa Arab dapat mengetahui serba sedikit asal usul sesuatu hadis.

### 2.3 Sejarah Perkembangan Ilmu *Takhrij*

Menurut al-'Abid (2001), perkembangan dan asas ilmu *takhrij* dimulakan oleh al-Imam Abu 'Isa al-Tirmidhi (279H) dalam kitabnya *al-Jami'*, di mana beliau telah menyebut selepas setiap hadis yang diriwayatkan: dan di dalam bab ini daripada *fulan* dan daripada *fulan*. Perbuatan al-Tirmidhi pada waktu itu sudah dianggap sebagai *takhrij*. Dan dalam masa yang sama, pada kurun ini juga telah lahir keinginan yang tinggi di kalangan para ulama hadis ketika itu untuk mencari *al-isnad al-'ali* iaitu *sanad* yang lebih tinggi yang mana jumlah perawinya adalah lebih sedikit berbanding riwayat yang lain. Kesungguhan mereka mencari *sanad* yang tinggi ini telah melahirkan satu usaha yang dinamakan sebagai *istikhrāj* iaitu mereka mengeluarkan hadis daripada satu kitab yang lain, dengan *sanad* mereka sendiri bagi mencari *sanad* yang lebih tinggi. Usaha *istikhrāj* ini adalah salah satu fenomena awal kepada munculnya kitab *takhrij* yang lebih sempurna pada kurun yang berikutnya. Antara mereka yang melakukan usaha *istikhrāj* ini ialah:

1. Abu Muhammad bin Muhammad bin Raja' al-Isfarayini al-Naisaburi (286H). Beliau telah melakukan *istikhrāj* ke atas kitab Sahih Muslim dan dinamakan sebagai *al-Mustakhrāj 'Ala Sahih Muslim*.
2. Abu 'Ali al-Hasan bin Ali bin Nasr al-Tusi al-Khurasani (312H). Beliau telah mengeluarkan hadis di dalam *Jami' al-Tirmidhi*.

Pada kurun ini juga terdapat beberapa ulama yang melakukan *takhrij* dengan kaedah mereka sendiri. Mereka mengumpulkan hadis daripada seseorang sahabat atau *tabi'in* kemudian mereka menamakan kitab atau hasil mereka ini sebagai *takhrij* kerana hadis yang mereka kumpulkan tersebut telah disandarkan kepada tuan asalnya. Antara mereka yang melakukan *takhrij* sebegini ialah:

1. Abu Umayyah al-Tarsusi (273H). Beliau telah mengumpulkan hadis Ibnu 'Umar, kemudian beliau menamakan kitab beliau sebagai *Musnad Abdullah ibn Umar Takhrij Abi Umayyah al-Tarsusi*.
2. Ibnu al-Baghandi (312H). Beliau mengarang kitab *Musnad 'Umar ibn Abd al-'Aziz Takhrij al-Baghandi*.

Kesemua fenomena *takhrij* yang berlaku seperti di atas berlaku secara berterusan dalam kurun kedua dan ketiga hijrah sehinggalah munculnya Imam al-Daruqutni (385H) dengan satu kaedah *takhrij* yang baru. Kaedah tersebut ialah beliau mengumpulkan hadis yang

diriwayatkan oleh seorang syeikh daripada para syeikhnya, kemudian meletakkannya dalam satu kitab dan menyandarkannya kepada imam yang terdahulu seperti imam *al-Sunan al-Sittah*.

Tujuan dilakukan sebegini adalah untuk memastikan setiap hadis yang diriwayatkan oleh syeikh tersebut adalah sama dengan apa yang telah diriwayatkan oleh imam yang terdahulu daripadanya. Perbuatan al-Daruqutni ini adalah satu teknik *takhrij* yang baru yang dihasilkan bagi memastikan riwayat seseorang syeikh tersebut haruslah konsisten dengan apa yang telah diriwayatkan oleh imam sebelumnya. Kaedah ini juga dianggap sebagai satu teknik *takhrij* kerana beliau telah menyandarkan hadis tersebut kepada orang yang asal yang meriwayatkannya.

Antara ulama yang melakukan proses *takhrij* sebegini ialah:

1. Abu al-Hasan Ali bin 'Umar al-Daruqutni (385H). Beliau telah mengarang kitab *Takhrij Hadith Abi Ishaq Ibrahim bin Muhammad al-Muzakki al-Naisaburi*.
2. Abu Bakr Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi (458H). Beliau telah menulis kitab *Takhrij Ahadith al-Umm li al-Imam al-Syafi'i*.

Kaedah *takhrij* yang dilakukan oleh Imam al-Daruqutni dan al-Baihaqi tadi berlaku pada kurun yang keempat dan kelima hijrah. Namun pada kurun yang keenam telah berlaku peningkatan yang menarik di dalam perkembangan ilmu *takhrij*. Ini adalah kerana perkembangan kaedah *takhrij* yang berlaku dalam kurun yang keenam ini adalah satu kaedah *takhrij* yang hampir sempurna seperti yang difahami dan dikenali pada hari ini. Kaedah *takhrij* pada kurun ini berlaku dengan mereka menyandarkan sesuatu hadis kepada kitab yang dikarang oleh imam yang terdahulu, kemudian mereka menambah satu teknik baru iaitu meletakkan hukum ke atas hadis yang mereka keluarkan tersebut.

Meletakkan sesuatu hukum ke atas hadis adalah suatu perkembangan yang baru yang mana tidak pernah dilakukan oleh imam yang sebelum ini. Justeru dengan sebab itulah Dr. Mahmud Al-Tahhan (1996) menganggap *al-Khatib al-Baghdadi* adalah antara orang yang pertama mengarang kitab *takhrij* yang 'sempurna' kerana beliau telah meletakkan hukum hadis ke atas hadis yang ditakhrijkan olehnya. Dan di antara ulama yang telah mengarang kitab *takhrij* berdasarkan kaedah ini ialah:

1. Abu Bakr Ahmad bin 'Ali bin Thabit al-Khatib al-Baghdadi



- (463H). Beliau telah mengarang kitab *Takhrijal-Fawaidal-Muntakhabah al-Sihah wa al-Ghara'ib li al-Syarif Abi al-Qasim al-Husaini*.
2. Abu Bakr Muhammad bin Musa al-Hazimi al-Hamdani (584H). Beliau telah mengarang kitab *Takhrij Ahadith al-Muhadhdhab li Abi Ishaq Ibrahim bin 'Ali al-Syirazi*.
  3. Syams al-Din Muhammad bin Ahmad bin Abdul Hadi al-Maqdisi (744H). Beliau telah mengarang kitab *Takhrij Ahadith al-Mukhtasar al-Kabir fi al-Usul li Ibni al-Hajib*.

Malah kaedah *takhrij* ini telah diikuti sehingga zaman kini sehingga terdapat di kalangan pelajar ijazah lanjutan pasca siswazah Sarjana dan Doktor Falsafah yang memilih untuk menulis tesis mereka dengan melakukan *takhrij* seperti kaedah ini. Antaranya ialah:

1. Dr. 'Ali Muhammad Nasir Faqihi. Beliau telah mentakhrijkan hadis di dalam kitab *al-Iman li Ibn Mandah (395H)*. *Takhrij* ini adalah tesis Doktor Falsafah beliau di Universiti Ummu al-Qura.
2. Dr. Ahmad bin Saad bin Hamdan. Beliau telah mentakhrijkan hadis Syarah Usul 'Aqidah al-Sunnah li al-Lalaka'i.
3. Ahmad Sanusi bin Azmi. Beliau telah mentakhrijkan hadis di dalam kitab *Munyatal-Musolli* karangan Syeikh Daud al-Fattani.

## 2.4 Kepentingan Ilmu *Takhrij*

Secara umumnya *takhrij* ini amat penting dan berfaedah kepada orang yang mempraktikkannya dan juga kepada pembaca ataupun pengguna. Ini adalah kerana sifat hadis itu sendiri yang amat penting sebagai sumber kedua syariat Islam. *Takhrij* merupakan wasilah atau kaedah untuk mengetahui sumber asal hadis, daripada mana ia dipetik dan seterusnya membawa kepada status atau hukum hadis tersebut.

Seseorang yang ingin mahir dalam ilmu hadis perlu mendalami dan mengetahui *takhrij* hadis. Bahkan ia amat penting dan amat diperlukan bagi sesiapa yang berada dalam bidang Pengajian Islam umumnya. al-Imam al-Khatib al-Baghdadi (1983) berkata: "Sebahagian daripada para syeikh kami berkata: Sesiapa yang berkehendakkan faedah dan ilmu maka bersungguh-sungguh dan perbanyakkan pena penyalinan dan ambillah (terlibat dan mendalami) pena *Takhrij*".

Menurut al-'Abid (2001) di antara faedah-faedah *takhrij* hadis ialah:

1. Memastikan keaslian hadis dan mengetahui statusnya di sisi ulama hadis.
2. Mengetahui sebarang pertambahan dan kekurangan di dalam matan hadis, yang membawa kepada pengetahuan apakah lafaz yang *sahih, daif, munkar, syaz, mudraj* dan sebagainya.
3. Mengetahui bentuk lafaz hadis yang berbeza-beza yang membawa kepada kefahaman hadis yang sempurna dan dapat mengeluarkan hukum yang bersesuaian dan tepat daripada hadis.
4. Membetulkan nas atau lafaz yang tertukar atau tersalah atau yang tidak dipastikan berpandukan riwayat daripada jalan yang lain. Ini akan menyelesaikan masalah nas yang sahih.
5. Membetulkan nama yang ada pada sesuatu *isnad*, menerangkan serta menjelaskan nama yang tidak sempurna di dalam *matan* hadis dan memastikan sebutan atau baris yang sahih bagi sesuatu lafaz.
6. Faedah yang kembali kepada orang yang mempraktikkan ilmu *takhrij* itu sendiri iaitu: Membentuk kemahiran dan kemampuan ilmiyyah pada dirinya dalam memastikan kesahihan sesuatu nas dan mengetahui kefahaman berkaitan hadis Rasulullah SAW.

## 2.5 Laman Web Al-Duraral-Saniyyah الدرر السنية

Laman web ini dibangunkan secara percuma serta tidak bermotifkan keuntungan. Boleh diakses melalui alamat URL berikut: <http://www.dorar.net/>. Penyelia kepada laman web ini ialah: al-Syeikh 'Alawi bin 'Abd al-Qadir al-Saqqaf. Seorang yang berketurunan Rasulullah SAW. Isi kandungan ataupun enjin pencarian web ini sebenarnya merangkumi pelbagai jenis maklumat yang merangkumi:

1. Kitab hasil karya penyelia al-Syeikh 'Alawi sendiri.
2. Senarai kitab dan kajian di dalam pelbagai disiplin ilmu Islam yang merangkumi Quran, hadis, fikah, tauhid, mantik dan sebagainya. Setiap daripada kitab ini akan disenaraikan nama penulis, cetakan, tempat dan tahun cetakan serta bidang yang menjadi perbincangan kitab.
3. Senarai kitab yang dinasihatkan untuk dibaca mengikut bidang tertentu.
4. Teknik atau cara menggunakan ruang pencarian.
5. Teknik atau cara mengutus e-mel atau persoalan.

## 2.6 Ruangansiklopedia Hadis Dan Cara Penggunaannya

Terdapat juga suatu ruang pada yang dinamakan *Taysir al-Wusul ila Ahadith al-Rasul sallallahu 'alaihi wasallam*. Ruangans ini juga dikenali dengan ruangans Ensiklopedia Hadis. Dalam ruangans inilah para pengkaji dan pengunjung web ini boleh membuat carian (*takhrij*) sesuatu hadis dan mengetahui hukumnya berdasarkan sumber yang menyatakannya.

Para pengunjung hanya perlu menekan pada pautan ini untuk memaparkan ruangans untuk mentakhrijkan hadis. Satu pilihan lain bagi pengguna laman web ini ialah terus kepada alamat URL berikut: <http://www.dorar.net/hadith.php>. Di dalam ruangans ini akan terpapar bahagian untuk petikan hadis yang dikehendaki, nama ahli hadis, kitab, cara pemilihan perkataan yang dibuat.

Di antara cara penggunaan yang akan menjimatkan masa dan mendapat natijah yang diharapkan, pengguna hendaklah:

1. Meletakkan ibarat atau perkataan di ruangans *العبارة* tidak terlalu banyak (lebih daripada tiga kalimah)
2. Tidak menggunakan tanda bacaan.
3. Boleh mencari perkataan ahli hadis yang tertentu dengan menulis namanya di ruangans *المحدث*.
4. Boleh mencari hadis atau maklumat tertentu di dalam kitab tertentu dengan menulis nama kitab di ruangans *الكتاب*.
5. Boleh mencari di dalam semua kitab dengan memilih perkataan *الجميع*.
6. Boleh memilih di antara: sebahagian perkataan yang dikehendaki, semua perkataan, semua pecahan perkataan, atau perkataan dan ayat yang sama dan serupa.
7. Di sana juga terdapat 5 pilihan hadis atau perkataan ulama sama ada: hadis yang sahih, hadis yang isnadnya sahih, hadis yang daif, hadis yang isnadnya daif atau pengguna boleh memilih untuk mencari semuanya dengan perkataan *الجميع*.

Akan dinyatakan nombor hadis, ibarat hadis, perawi hadis, kesimpulan status hadis, ahli hadis yang mengeluarkan hadis tersebut, sumber atau kitab ulama hadis tersebut dan jilid serta muka surat. Secara keseluruhannya kenyataan dan status hadis adalah dibuat secara:


1. Kesimpulan terhadap perkataan ulama hadis yang dinyatakan.

2. Kenyataan tentang status sesuatu hadis dibuat secara ringkas tetapi tidak menukar maksud sebenar perkataan tersebut.
3. Kenyataan tentang status hadis adalah dilihat kepada *matan* hadis sahaja. Jika ulama hadis menyatakan *sanad* daif kemudian mengatakan ia *hasan lighairihi* atau sahih dengan sekalian *isnadnya*, maka yang akan disebut hanyalah hukum terhadap *matan*. Jika ulama tersebut hanya menyatakan hukum terhadap *sanad*, maka akan dinyatakan hukumnya itu.

### 3.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian khusus dijalankan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi mendapatkan maklum balas tentang laman web *al-Durar al-Saniyyah*. Objektif kajian yang dilakukan adalah: (i)menilai sejauh penggunaan para pensyarah terhadap laman web *al-Durar al-Saniyyah* dalam kajian hadis; (ii) mendapatkan maklum balas pensyarah dari sudut kelebihan dan kekurangan menggunakan kaedah *takhrij* berbantuan laman web *al-Durar al-Saniyyah*; (iii) Penilaian pensyarah terhadap kebergunaan laman web *al-Durar al-Saniyyah* dalam kajian hadis.

Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan metode temuduga separa berstruktur terhadap sekumpulan 28 orang pensyarah di FPQS USIM (rujuk Rajah 1) dari pelbagai pengkhususan. 28.6 peratus adalah graduan dalam bidang Quran, 39.3 peratus adalah graduan dalam bidang Hadis, 25 peratus adalah bidang Quran dan Hadis dan selebihnya 7.1 peratus sahaja yang berlatarbelakangkan bidang yang lain.



Rajah 1: Pengkhususan Pensyarah FPQS, USIM  
Sumber: Syed Najihuddin et. al (2009)

### 3.1 Penggunaan Laman Web *al-Durar al-Saniyyah* Dalam Kajian Hadis

Hasil kajian mendapati, sebahagian besar pensyarah iaitu 64 peratus bersetuju bahawa kursus yang diajar oleh mereka memerlukan penggunaan ilmu *takhrij* dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran bidang keagamaan memerlukan penggabungan semua kemahiran serta ilmu. Setiap pelajar yang menuntut ilmu khususnya bidang keagamaan wajar didedahkan dengan ilmu *takhrij* agar pencarian ilmu menjadi lebih saintifik dan bersumberkan rujukan yang berautoriti. Justeru, para pensyarah seharusnya bertindak merentas kurikulum bagi menggalakkan proses penghadaman ilmu khususnya bidang keagamaan.

Sejumlah 64 peratus pensyarah turut mengajar beberapa teknik *takhrij* kepada pelajar dalam pencarian hadis, walaupun kursus yang diajar tidak berkaitan dengan *takhrij* hadis. Beberapa tips mudah dalam pencarian bahan dan maklumat, mampu memantapkan keilmuan pelajar dalam carian maklumat tersebut. Selain itu, kebergantungan maklumat Islam kepada sumber yang autentik telah menjadikan ilmu *takhrij* hadis ini sangat penting dan relevan. Justeru, tiada salahnya dilakukan berulang kali bagi memahirkan diri dalam menggunakannya.

Mereka juga turut memberi galakan kepada para pelajar mereka supaya menggunakan perisian komputer (71 peratus) dan laman web *takhrij* di internet (57 peratus) untuk melakukan *takhrij* terhadap sesebuah hadis. Hal sebegini menggalakkan pembelajaran secara aktif pelajar agar senantiasa mempraktikkan ilmu *takhrij* walaupun di luar kelas. Kemudahan komputer dan Internet memberikan jaminan kesinambungan pembelajaran di luar kelas pengajian. Dapatan ini juga membuktikan bahawa para pensyarah bidang Quran dan hadis secara kolektifnya tidak menentang penggunaan perisian dan laman web malah memberikan galakan. Namun begitu, terdapat sedikit tentangan dari aspek keabsahan maklumat serta ketepatannya (iaitu 11 peratus) yang menuntut proses merujuk kepada sumber asalnya yang berbentuk buku bercetak.

Di samping itu, didapati 75 peratus pensyarah memberi penekanan kepada para pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berhubung ketepatan sesebuah hadis. Hal ini meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan perkara tersebut yang mana akan membuahkan kesedaran jangka panjang kepada mereka. Sebenarnya penekanan ini tidak semestinya secara langsung, seperti menyuruh

atau mengarahkan. Malah, penekanan boleh disampaikan dalam bentuk memberikan ganjaran positif atau negatif, seperti memberikan markah atas carian yang tepat, dan sebaliknya mengurangkan markah bagi rujukan yang salah. Justeru, peranan pensyarah sebagai pendidik dan murabbi akan memanfaatkan pelajar dan memberikan panduan suri teladan kepada mereka setelah menceburi alam pekerjaan nanti.

Mereka juga iaitu 68 peratus responden turut memberikan tugas kepada para pelajar yang menuntut mereka menganalisis status kesahihan sesebuah hadis terlebih dahulu. Tugas ini mematangkan pelajar dalam soal penerimaan atau tidak, bagi sesuatu hadis. Proses pembelajaran ini yang berpusatkan pelajar amat baik dalam membentuk sahsiah pelajar bidang agama.

### **3.2 Kelebihan Pendekatan Berbantuan Laman Web *al-Durar al-Saniyyah***

Mereka berpendapat bahawa antara kelebihan laman web *al-Durar al-Saniyyah* berbanding teknik lain ilmu *takhrij* ialah ia mudah diakses walau di mana sahaja asalkan ada khidmat Internet di kawasan tersebut. Ini kerana, kewujudan laman web ini di alam siber, dan akses Internet hampir di mana sahaja di dunia, telah menjadikan teknik ini amat berkesan dalam carian hadis.

Kalau perkara ini dibandingkan dengan kaedah lain ilmu *takhrij* tentulah lebih mudah dan cepat. Ini kerana kaedah yang lain memerlukan kehadiran secara fizikal yang melibatkan carian yang berbeza mengikut metodologi penulis yang berbeza. Walaupun hanya menggunakan kaedah carian berdasarkan potongan perkataan dalam hadis, kaedah ini mampu memanfaatkan carian perkataan sebanyak mungkin. Setiap patah perkataan dalam hadis akan dirujuk, tidak hanya perkataan awal sahaja. Malah setiap perkataan yang dijumpai akan diberi warna merah bagi memudahkan carian.

Maklumat yang diperoleh adalah ringkas dan padat. Ini kerana maklumat tersebut dipersembahkan dalam bentuk yang komprehensif yang merangkumi matan (teks) hadis, perawi sahabat, sumber hadis berserta hukum hadis iaitu sahih, hasan atau daif, diberi secara ringkas. Sebarang hukum hadis yang diberikan membantu pelajar juga pengkaji lain merumuskan hukum hadis secara awalan. Jika keperluan untuk menghuraikan semula berlaku, pengkajian kepada sumber asal boleh dibuat dengan mudah kerana rujukannya turut disertakan.

Laman web itu juga bersifat mesra pengguna, kata kebanyakan pensyarah. Penggunaan warna, sebagai contoh, kepada perkataan carian memudahkan pengguna mengenal pasti perkataan yang dicari olehnya. Di samping itu, susun atur setiap laman web juga turut membantu meningkatkan elemen mesra pengguna kepada web tersebut. Terdapat beberapa unsur lain yang selalu ditambah baik oleh pengendali laman web tersebut bagi meningkatkan kekuatan elemen mesra pengguna ini dari semasa ke semasa.

Menggunakan laman web dalam *mentakhrijkan* hadis juga mampu menjimatkan masa, kos dan tenaga. Masa yang diambil hanya beberapa saat bergantung keadaan rangkaian, kos carian juga percuma dan tenaga yang digunakan juga adalah minimum. Keseluruhan kajian yang memerlukan masa yang lama secara tradisional, telah dapat dicepatkan secara berkali ganda dengan kejuruteraan perisian. Buku juga jikalau dibeli atau dipinjam akan melibatkan kos yang amat besar, malah masih ada buku yang tidak dapat ditemui di sini.

### **3.3 Kekurangan Pendekatan Berbantuan Laman Web *al-Durar al-Saniyyah***

Beberapa kelemahan telah dapat dikenal pasti dari perspektif pensyarah, antaranya: proses ini memerlukan kepada capaian Internet, yang mana hal ini turut melibatkan server dan network. Apabila prestasi kedua-duanya menurun, capaian kepada laman web ini turut terkena tempasnya.

Segelintir pensyarah pula menyatakan keraguan mereka terhadap sumber maklumat yang dimuatkan dalam laman web ini. Ini kerana wujudnya kebarangkalian penyedia perkhidmatan laman web tersebut memasukkan entiti luaran tetap ada. Berkemungkinan juga, gangguan itu dari pesaing tidak sihat, yang merosak maklumat digital laman web ini. Justeru, keselamatan datanya perlu dipertingkatkan, dan dari pihak pengguna perlulah merujuk sumber asal.

Ada juga yang menyatakan bahawa proses carian digital ini mengakibatkan kurang penghayatan dalam carian hadis. Ini disebabkan keadaan carian yang tidak bermediumkan buku yang boleh dipegang serta ditatap helaian demi helaian. Malah ada yang mempunyai kepuasan yang lebih tinggi dengan memegang buku bercetak dari membaca pada skrin komputer.

Selain itu, laman web ini tidak menyediakan maklumat cetakan pada rujukan sumber hadis seperti tempat, tarikh serta penerbit

cetakan tersebut pada tettingkap yang sama. Ini kerana maklumat tersebut disenaraikan di halaman lain yang khusus. Hal sebegini agak mengganggu carian, kerana pengguna terpaksa meneliti maklumat cetakan satu persatu dalam satu senarai yang panjang.

### 3.4 Kebergunaan Laman Web *al-Durar al-Saniyyah* dalam Kajian Hadis

Pensyarah juga berpendapat bahawa laman web *al-Durar al-Saniyyah* berguna dalam ilmu *takhrij* serta kajian hadis kerana masa carian yang diambil secara relatifnya adalah cepat, di samping memberi peluang untuk meneroka dengan lebih mendalam lagi. Di samping itu, laman web ini menjelaskan hukum sesebuah hadis, menyenaraikan banyak riwayat dan matan serta memberikan pilihan sumber rujukan yang banyak kepada pengkaji hadis. Oleh yang demikian, mereka bersetuju agar laman web ini digunakan sebagai alat bantuan mengajar, dan seterusnya menjadi kunci kepada ilmu *takhrij*. Ini kerana laman web ini mampu memberikan pemahaman dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang mana hal sedemikian boleh memudahcarakan penyampaian pensyarah dalam kelas pengajiannya.

## 4.0 KESIMPULAN

Kebanyakan pensyarah menyatakan bahawa laman web ini berperanan sebagai alat bantuan mengajar yang baik dan berfungsi sebagai teknik terkini dengan berwadahkan teknologi yang mana hal ini menjadi kehendak masyarakat pelajar pada masa kini. Kaedah pengajaran berpusatkan pelajar sebegini juga perlu dirangka sebaiknya agar membantu meningkatkan motivasi pelajar serta dapat mencapai hasil pembelajaran yang dikehendaki.

Mereka juga percaya bahawa penggunaan laman web ini mampu memberikan pemahaman dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang mana hal sedemikian boleh memudahkan penyampaian pensyarah. Pelajar juga dapat merujuk di mana sahaja, dan pada setiap masa, dengan rujukan yang sangat banyak. Kemudahan Internet terdapat hampir di mana sahaja yang menyebabkan pembelajaran berlaku secara berterusan.

Mereka juga berpandangan bahawa pengayaan pelajar boleh berlaku dengan menggunakan laman web ini kerana kandungan web ini yang memuatkan isu-isu semasa berkaitan hadis, di samping menjimatkan kos. Sesetengah rujukan susah didapati di Malaysia, menyebabkan



rujukan secara digital yang sentiasa ditambah dari semasa ke semasa, sangat relevan pada zaman ini.

Mereka juga turut menyuarakan keperluan untuk laman web ini diperkenalkan ke seluruh IPTA beraliran agama secara khususnya, sebagai elemen kepelbagaian dan keunikan yang mana boleh membangkitkan minat pelajar terhadap kajian hadis dan membantu dalam proses penulisan dan penyelidikan.

## RUJUKAN

- Al-'Abid, Abu Bakr, 'Abd al-Samad Bakr. (2002). *"al-Madkhal ila Takhrij al-Ahadith wa al-Athar wa al-Hukm 'alaiha"*. Al-Madinah al-Nabawiyah al-Munawwarah.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr bin 'Ali. (1983). *"al-Jami' li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'*. Al-Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Khatib, Mohammad 'Ajjaj. (1989). *"Usul al-Hadith 'Ulumuhu wa Mustalahuhu"*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Manawi, Muhammad 'Abd al-Rauf. (1994). *"Faid al-Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir min Ahadith al-Bashir al-Nadhir"*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Saqqaf, 'Alawi. *"Taysir al-Wusul ila Ahadith al-Rasul"*. <http://www.dorar.net/hadith.php>. Diakses pada 5 Julai 2009.
- Al-Tahhan, Mahmud. (1996). *"Usul al-Takhrij Wa Dirasat al-Asanid"*. Riyadh: Maktabah Ma'arif Li Al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Ibn Hanbal, Ahmad. (1999). *"al-Musnad"*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Zuhlilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi, Noor Najihan Jaafar, Mohd Zohdi Mohd Amin. *"Aplikasi Laman Web al-Durar al-Saniyyah Dalam Mengtakhrijkan Hadith: Kajian Kes di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia"*. Negeri Sembilan: USIM.

